



PERATURAN PERTANDINGAN
SUKAN MEMANAH
MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN TAHUN 2022
KATEGORI UMUR
BAWAH 18 TAHUN, BAWAH 15 TAHUN DAN 12 TAHUN

1. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang 'World Archery' **WA** dan Peraturan-Peraturan Am **MSSM**.

2. JENIS PERTANDINGAN

2.1 Pertandingan akan dijalankan selama **TIGA (3)** hari.

- 2.1.1 **1 (SATU)** hari Pertandingan Single WA (Qualification Round)
Lelaki B18 , B 15 dan B 12 dan Individual Match Round (1/8 dan 1/4)
- 2.1.2 **1 (SATU)** hari Pertandingan Single WA (Qualification Round)
perempuan B18, B15 dan B12 dan Individual Match Round (1/8 dan 1/4)
- 2.1.3 **1 (SATU)** hari Pusingan Individu (Individual match Round)
Lelaki dan Perempuan B18 , B15 dan B 12 (Separuh Akhir dan Akhir (Gold / Bronze)
- 2.1.4 Pusingan pasukan Campuran (Mix match Round) B18, B15 dan B12

2.2 **Lelaki dan Perempuan Pertandingan Single WA (Qualification Round) (B 18)**

- 2.2.1 Jarak 70 m – 2 set (face 122cm)
- 2.2.2 Keseluruhan individu

2.3 **Lelaki dan Perempuan Pertandingan Single WA (B15)**

- 2.3.1 Jarak 60 m- 2 set (face 122cm)
- 2.3.2 Keseluruhan individu

2.4 **Lelaki dan Perempuan Pusingan Single WA (B 12)**

- 2.4.1 Jarak **30** m (face 122cm)
- 2.4.2 Keseluruhan individu

2.5 Pusingan Olimpik individu, pasukan campuran (kategori umur B 18 tahun L/P)

2.5.1 Jarak yang dipertandingkan ialah **70 m** (face 122cm)

2.6 Pusingan Olimpik individu, pasukan campuran (kategori umur B 15 tahun L/P)

2.6.1 Jarak yang dipertandingkan ialah **60 m** (face 122cm)

2.7 Pusingan Olimpik individu, pasukan campuran (kategori umur B 12 tahun L/P)

2.7.1 Jarak yang dipertandingkan ialah **30 m** (face 122cm)

- Bagi acara individu, **16** pemanah lelaki dan **16** pemanah perempuan terbaik yang bertanding Single WA dari Kategori B 18 , B 15 dan 12 tahun akan layak memasuki Pusingan Olimpik individu (Individual match Round)
- Bagi Pertandingan pasukan campuran / mixed team match, seorang pemanah lelaki dan seorang pemanah perempuan terbaik pasukan dalam pertandingan Single WA akan dipilih mewakili pasukan. Semua pasukan dari kategori B18, B15 dan B12 tahun yang bertanding di Single WA layak bertanding.
- Pemanah lelaki dan wanita yang dibentuk untuk berpasukan campuran mesti daripada pasukan dan kategori yang sama.
- Jika sekolah hanya menghantar peserta lelaki atau peserta perempuan sahaja maka tidak layak bertanding dalam pasukan campuran/mixed team)

3. PENDAFTARAN PEMAIN / PEMBENTUKAN PASUKAN

3.1 Setiap pasukan hanya boleh mendaftar satu (1) pasukan lelaki dan satu (1) pasukan wanita terdiri Daripada :

Pasukan Lelaki :	<u>18 Tahun</u>	<u>15 Tahun</u>	<u>12 Tahun</u>
Pengurus Pasukan:	1 orang		
Jurulatih :	1 orang	1 orang	1 orang
Peserta :	<u>3 orang</u>	<u>3 orang</u>	<u>3 orang</u>
JUMLAH	<u>5 orang</u>	<u>4 orang</u>	<u>4 orang</u>
Pasukan Wanita :	<u>18 Tahun</u>	<u>15 Tahun</u>	<u>12 Tahun</u>
Pengurus Pasukan:	1 orang		
Jurulatih:	1 orang	1 orang	1 orang
Peserta:	<u>3 orang</u>	<u>3 orang</u>	<u>3 orang</u>
JUMLAH	<u>5 orang</u>	<u>4 orang</u>	<u>4 orang</u>

3.2 Acara Perseorangan

Setiap pasukan dibenarkan menghantar hanya tiga (3) peserta lelaki dan tiga (3) peserta wanita bagi setiap kategori umur dalam acara perseorangan.

3.3 Acara Campuran (Mix Team)

3.3.1 Seorang pemanah lelaki dan seorang pemanah perempuan terbaik pasukan dalam pertandingan Single WA akan dipilih mewakili pasukan.

3.3.2 Pemanah lelaki dan wanita yang dibentuk untuk berpasukan campuran mesti daripada pasukan dan kategori yang sama.

3.4 Jurulatih bukan guru

3.4.1 Jurulatih bukan guru tidak boleh disenarai sebagai pegawai pasukan. (Rujuk Peraturan Am MSSM 8.1)

3.7.1 Jurulatih luar atau ibubapa atau penonton **tidak dibenarkan** berada di khemah peserta

3.7.2 Jurulatih luar **tidak dibenarkan** memasuki kawasan pertandingan melebihi dari garisan peralatan (equipment line)

4. SISTEM PERTANDINGAN

4.1 Pertandingan mengikut system World Archery (WA)

4.2 Setiap peserta **dimestikan** memanah pertandingan single WA (Qualification Round) jarak yang dipertandingkan sebanyak dua (2) pusingan tiga puluh enam (36) anak panah bagi setiap pusingan yang berjumlah tujuh puluh dua (72) anak panah keseluruhan. Peserta / Pasukan yang mendapat mata tertinggi akan dikira pemenang.

4.3 Bagi Pusingan Olimpik,(kalah mati) peraturan yang digunakan adalah mengikut Peraturan WA.

Rujuk lampiran.

5. GELANGGANG / ALATAN

Rujuk Undang-Undang World Archery (WA).

Undang-Undang World Archery (WA) Artikel 7.3.2 / 7.3.2.1 adalah diguna pakai .

Bagi kategori 12 tahun ke bawah dengan pindaan berikut :

5.1. - Hanya arrow carbon sahaja tidak boleh digunakan.

5.2. - Hanya limb carbon tidak boleh digunakan. Selain itu boleh digunakan

6. MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

6.1 Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan pada / sebelum hari pertandingan iaitu sebelum hari Kejohanan berlangsung

6.2 Selepas Mesyuarat pengurus, sebarang permohonan / gantian peserta tidak dibenar.

7. MASA MELAPOR DIRI

7.1 Setiap pasukan dikehendaki melaporkan diri kepada Ketua Hakim (Chief Judge) Kejohanan untuk pemeriksaan **wajib** peralatan pertandingan (Tackle Inspection) pada hari pertandingan/ hakim akan memeriksa sepintas lalu semasa pertandingan dijalankan.

8. MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

Sila rujuk Peraturan Am (11) MSSM dibaca bersama Peraturan WA Rules Book 2 Bab 7.4 dan Bab 7.8

9. TATATERTIB

9.1 Etika berpakaian

- semua atlet mestilah mematuhi etika berpakaian seperti yang telah ditetapkan dalam peraturan am MSSM
- Berseluar pendek bagi lelaki tidak dibenarkan dan juga digulung kaki seluar sehingga paras lutut.

9.2 Kesalahan menipu skor.

- Mencabut anak panah terlebih dahulu sebelum skor dibaca dikira sebagai menipu. Jika didapati atlet mencabut anak panah terlebih dahulu sebelum skor dibaca, maka skor untuk pusingan (end) tersebut terbatal. Sekiranya kejadian sama berulang maka skor untuk keseluruhan jarak tersebut terbatal.

9.3 Sekiranya kejadian sama berulang maka skor untuk keseluruhan jarak tersebut terbatal

9.4 Sekiranya kesalahan ini berulang lagi maka penyertaan pertandingan peserta ini dibatalkan.

9.3 Kesalahan menulis / skor

- Menulis skor sendiri tanpa disaksikan oleh rakan yang lain atau menulis dengan bilangan yang salah dari kedudukan arrow yang sepatutnya, dikira sebagai menipu. Jika didapati atlet tersebut sengaja menulis skor yang salah atau menukar skor tanpa pengesahan hakim, maka skor untuk pusingan (end) tersebut terbatal. Sekiranya kejadian sama berulang, maka skor untuk keseluruhan jarak tersebut terbatal.

10. BANTAHAN

10.1 Sila rujuk Peraturan Am (12) MSSM.

10.2 Setiap pasukan dibenarkan membuat bantahan. Hanya Pengurus Pasukan dibenarkan membuat bantahan.

10.3 Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada Pengarah / Pegawai Pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit selepas keputusan pertandingan di Paparkan. (Berpandukan kepada Undang-Undang WA, Artikel 150).

11 JURI RAYUAN

Sila rujuk Peraturan Am (13) MSSM

12 PENGADIL (HAKIM DAN PEGAWAI PERTANDINGAN)

Hakim-hakim dan Pegawai Pertandingan akan dilantik oleh Jawatankuasa Pengelola dengan kerjasama Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia dan Persatuan memanah Negeri.

13 PENTAFSIRAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN-PERATURAN PERTANDINGAN.

Jawatankuasa Pengelola mempunyai hak mentafsirkan segala perkara yang tidak disiarkan di dalam undang-undang / peraturan pertandingan ini dan keputusan yang dibuat adalah muktamad.

Peraturan AM MSSM Tambahan

1. Sekolah swasta / Sekolah Agensi Kerajaan lain dibenarkan bertanding bermaksud sekolah yang diluluskan pendaftarannya oleh KPM dan bergabung serta membayar yuran sumbangan kepada MSSN.

2. Murid yang sedang belajar di Sekolah Sukan Malaysia dan di Akademik Permainan Kebangsaan hendaklah mewakili negeri asal tempat ia bersekolah (sekolah terakhir) dalam pertandingan MSSM.
3. Murid sekolah harian yang tidak terpilih untuk mewakili negeri asalnya tidak dibenarkan untuk mewakili negeri lain walaupun dipohon secara bertulis negeri berkenaan.
4. Semua peserta hendaklah melengkapkan Borang Pendaftaran Individu (Borang R01 / M01) secara individu beserta gambar dan sertakan Salinan kad pengenalan / sijil kelahiran yang disahkan oleh Pengetua atau Guru Besar/ Penolong Kanan sekolah. Pengesahan terakhir oleh Pengurus Pasukan. Borang M02 juga perlu disediakan jika menghantar lebih dari seorang peserta.
5. Pasukan yang mempunyai peserta perempuan hendaklah diiringi oleh seorang atau lebih pegawai wanita.
6. Juri Rayuan bertanggungjawab untuk :
 - a. Mengambil Tindakan disiplin pelajar, guru dan pegawai kejohanan bagi semua perkara seperti :
 - Memberi amaran
 - Menggantung penyertaan bagi jangka masa tertentu
 - Menyingkirkan daripada keseluruhan kejohanan
 - Mengarahkan pemain dihantar pulang